

**PEMBERITAHUAN PENTING**

Sila simpan Kad Jaminan Perkhidmatan yang dicetak pada muka surat akhir buku Panduan Penggunaan dan Pemasangan ini dan pastikan mendaftar jaminan ini di <http://club.panasonic.com.my>

**IMPORTANT NOTICE**

Please retain the warranty card printed on the last page of this Operating Instructions and ensure to register the warranty online at <http://club.panasonic.com.my>

**重要通知**

请保留印刷在这本使用说明书最后一页的保修卡并确保在线上 <http://club.panasonic.com.my> 登记保修。


# Panasonic®

## Panduan Penggunaan Operating Instructions 使用说明书


### Pancuran Mandi Elektrik (Penggunaan Rumah Tangga) Electric Home Shower (Household Use) 电热花洒器 (家庭用)

No. Model  
Model No.  
型号

## DH-3ND1 & DH-3NDP1



DH-3NDP1  
(with Rain Shower)  
DH-3NDP1



DH-3ND1

<b>B.MALAYSIA</b>	<b>Panduan Penggunaan (termasuk Panduan Pemasangan)</b> .....	2 - 19
<b>ENGLISH</b>	<b>Operating Instructions (Installation Instructions included)</b> .....	20 - 37
<b>中文</b>	<b>使用说明书 (包括安装说明)</b> .....	38 - 55

Terima kasih kerana memilih Pancuran Mandi Elektrik Panasonic. Sila baca semua arahan ini dengan teliti demi keselamatan dan penggunaan yang optimum dan simpan Panduan Penggunaan ini di tempat yang selamat untuk rujukan di masa hadapan.

Thank you for purchasing the Panasonic Electric Home Shower. For optimum performance and safety, please carefully read this Operating Instructions and keep this documentation in a safe place for future reference.

感谢您购买Panasonic电热花洒器。为了确保正确使用及维护您的安全，请详细阅读此使用说明书，并保持在安全的地方以供未来参考。

## KANDUNGAN

	No. Muka surat
<b>SEBELUM MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK</b>	<b>2</b>
1. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN	2
2. e-Cycle	4
3. e-Hybrid	4
4. PANCURAN HUJAN	5
5. MENGENALI BAHAGIAN-BAHAGIAN	5
6. PENGENALAN PANEL KAWALAN DAN PAPARAN LCD	6
7. AKSESORI	7
<b>CARA-CARA MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK</b>	<b>8</b>
1. CARA-CARA MENGGUNAKANNYA	8
2. CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN AIR	11
3. PENYENGGARAAN	12
4. PANDUAN KEROSAKAN	13
5. SPESIFIKASI	13
<b>CARA MEMASANG PANCURAN MANDI ELEKTRIK</b>	<b>14</b>
1. SEBELUM PEMASANGAN DIBUAT	14
2. CARA MEMASANG	14
3. CARA-CARA MENGUJI	19
<b>KAD JAMINAN PERKHIDMATAN</b>	Muka Surat Akhir

## SEBELUM MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK

### 1. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN

#### LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN Sila patuhi sepenuhnya

Sila baca langkah-langkah keselamatan berikut dengan teliti sebelum menggunakan produk:

Untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kecederaan kepada diri sendiri dan orang lain atau kerosakan harta benda, arahan yang berikut hendaklah dipatuhi.

- Penyalahgunaan disebabkan kegagalan untuk mematuhi arahan yang berikut akan menyebabkan kecederaan atau kerosakan. Tahap keseriusannya boleh dibahagikan seperti yang berikut:



## AMARAN

Penunjuk ini memberi amaran tentang kematian atau kecederaan parah.



## AWAS

Penunjuk ini memberi amaran tentang kecederaan pengguna atau kerosakan harta benda.

- Arahan yang perlu dipatuhi boleh dibahagikan kepada simbol-simbol yang berikut:



Simbol ini (dengan latar belakang putih) menunjukkan perbuatan yang **DILARANG**.



Simbol ini (dengan latar belakang hitam) menunjukkan perbuatan yang **WAJIB DILAKUKAN**.

# ⚠️ AMARAN

**! Jangan gunakan Unit ini sekiranya anda mendapati sebarang kerosakan atau keadaan luar biasa berlaku dan pastikan Pemutus Litar Elektrik berada dalam keadaan "OFF". (Risiko berasap/kebakaran/kejutan elektrik/melecur)**

Contoh kerosakan/keadaan luar biasa

- Tuas Set Semula ELB tidak boleh berfungsi walaupun anda tolak ia ke atas atau Tuas Set Semula ELB terus menggelongsor ke bawah semasa kendalian. Sila rujuk ke bahagian no. 3. CARA-CARA MENGUJI di muka surat 19.
- Bau sesuatu terbakar atau asap keluar semasa kendalian.
- Penutup Set/Penutup Belakang berubah bentuk atau panas yang luar biasa.
- Suhu air pancuran menjadi terlalu panas dan tidak dapat di kawal dengan menggunakan butang "-" dan "+" di Panel Kawalan.

Sila hubungi wakil penjual anda dengan segera untuk penyenggaraan/pembaikan.



**Unit ini mesti dibumikan.**

Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik.



• Pastikan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dimatikan sebelum penyelenggaraan untuk mengelakkan bahaya kejutan elektrik.



• Semasa berlaku kilat / petir, matikan Pemutus Litar Elektrik terlebih dahulu untuk melindungi Unit Pancuran Mandi anda dari sebarang kerosakan.




• Pemeriksaan ke atas Pemutus Litar Bocor ke Bumi (ELB) terbina hendaklah dilakukan sebulan sekali untuk mengelakkan bahaya kepada pengguna seperti kerosakan kepada harta benda, kecederaan parah atau kematian. Sila rujuk ke bahagian no. 3. CARA-CARA MENGUJI di muka surat 19.



• Setiap kali pancuran air dimulakan, periksa suhu air dengan tangan sebelum mandi.



• Semasa Pancuran Air Mandi digunakan oleh golongan seperti kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan orang cacat anggota, orang yang mendampingi mereka adalah dinasihatkan supaya memeriksa suhu pancuran dengan tangan dari semasa ke semasa.



• Beri perhatian kepada suhu pancuran apabila mengurangkan pengaliran air. Suhu pancuran akan menjadi sangat panas sekiranya pengaliran air terlalu rendah.



• Berhati hati untuk tidak menyentuh Paip Pancuran Hujan semasa mandi dengan suhu tinggi kerana ia akan menjadi panas. Boleh menyebabkan kecederaan.



• Produk ini tidak boleh digunakan oleh pengguna (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal atau mental, atau kekurangan pengalaman dan pengetahuan, kecuali diberikan arahan atau panduan tentang produk oleh pihak yang bertanggungjawab terhadap keselamatan mereka. Kanak-kanak hendaklah diawasi untuk memastikan bahawa mereka tidak bermain dengan produk.



• Jika Tuas Set Semula ELB tidak boleh berfungsi walaupun anda tolak ia ke atas atau Tuas Set Semula ELB terus menggelongsor ke bawah semasa kendalian, jangan gunakan Unit tersebut dan sila hubungi wakil penjual dengan segera untuk mengelakkan bahaya kepada pengguna seperti kerosakan kepada harta benda, kecederaan parah atau kematian. Jangan mengikat Tuas Set Semula ELB secara paksa dengan pita pelekat dan sebagainya.



• Jangan masukkan jari atau objek lain ke dalam Unit pancuran mandi elektrik untuk mengelakkan bahaya fizikal dan kejutan elektrik.




• Jangan menggantikan Kepala Pancuran, Hos Pancuran atau mana-mana bahagian Unit yang lain dengan alat gantian selain daripada alat gantian asli.

Barangan dari model lain tidak sesuai dengan model ini dan boleh menyebabkan perkara berbahaya berlaku kepada pengguna.



• Jangan sembur air pada Unit, atau meletakkan tuala basah di atasnya bagi mengelakkan dari bersentuhan dengan bahagian hidup untuk menghalang dari bahaya berasap, nyalaan api, kebakaran dan kejutan elektrik.



• Hos logam/ krom dan injap kawalan konduktif tidak boleh digunakan.

# ⚠️ AWAS



• Pastikan O Ring tidak tertanggal dan bersih daripada bendasing atau kotoran untuk mengelakkan kebocoran air.




• Tekan Tuas On-Off sebelum dan selepas mandi. Tuas ini hendaklah ditekan sahaja. Jangan tarik Tuas On-Off. Jangan buka atau tutup Injap Air Utama untuk mengendalikan Unit Pancuran Mandi untuk mengelakkan sebarang kerosakan.




• Jangan gunakan benzena, pencair, agen peluntur dan sebagainya untuk pembersihan bagi mengelakkan bahaya berasap, nyalaan api, kebakaran dan kejutan elektrik.



• Jangan sekat Kepala Pancuran dan Kepala Pancuran Hujan dengan tangan, tuala atau melenturkan Hos Pancuran. Kadar aliran air akan menurun dan suhu air akan menjadi sangat panas.



• Sila pastikan Getah pada Kepala Pancuran dan Kepala Pancuran Hujan tidak rosak semasa pembersihan. Ia boleh menjejaskan corak pancuran air.



# **AWAS**



• Pancuran Mandi Elektrik mesti disambungkan ke bekalan air yang mematuhi standard kualiti air tempatan untuk mengelakkan bahan cemar dan kekotoran lain yang boleh menyebabkan kakisan pada pemanas dan komponennya sehingga boleh menyebabkan keadaan berbahaya. Kegagalan untuk patuhi akan membatalkan jaminan.



• Untuk mengelakkan berlakunya bahaya disebabkan pemutus litar tidak beroperasi, maka produk ini tidak boleh disambungkan kepada suis luaran seperti alat penghidup masa, atau penyambungan litar yang biasanya di on dan off oleh utiliti.

## Untuk DH-3NDP1



• Untuk memastikan ketahanan Pam, Tuas On-Off mestilah ditekan setiap kali sebelum dan selepas mandi. Tuas ini hendaklah ditekan sahaja. Jangan tarik Tuas On-Off. Jangan buka atau tutup Injap Air Utama untuk mengendalikannya untuk mengelakkan sebarang kerosakan.

## 2. e-Cycle

1. Apa itu e-Cycle:
  - (a) e-Cycle adalah fungsi di mana pancuran panas dan sejuk bersilih ganti pada masa yang ditetapkan, menawarkan pengguna kesan urutan fisiologi.
  - (b) e-Cycle harus diambil secara berperingkat dan jangan cuba mengambil terlalu kerap pada pertama kali.
  - (c) Gunakan e-Cycle mengikut kesesuaian kesihatan anda. Jangan gunakan ketika anda tidak berasa sihat.
2. Cara menggunakan e-Cycle:
  - (a) Untuk pengguna yang pertama kali menggunakan e-Cycle:
    - Sila gunakan pancuran panas normal terlebih dahulu untuk memanaskan badan.
  - (b) Untuk pengguna yang telah menggunakan e-Cycle:
    - Sila gunakan e-Cycle mengikut keperluan kesihatan anda. Contohnya boleh menggunakan e-Cycle ketika mula mandi.
  - (c) Kitaran e-Cycle akan bermula dengan pancuran panas.
3. Cadangan menggunakan e-Cycle:
  - (a) Adalah digalakkan untuk menggunakan e-Cycle sebanyak 7 hingga 10 kitaran.
  - (b) e-Cycle harus digunakan setiap hari.
  - (c) Suhu pancuran panas dari e-Cycle haruslah lebih tinggi daripada suhu pancuran panas normal, pada 40 °C - 42 °C.
4. Kesan dari e-Cycle:

Dengan menggunakan pancuran panas dan sejuk bersilih ganti, e-Cycle mempunyai kesan mempercepatkan kadar pengembangan/pengecutan pembuluh darah, memperbaiki peredaran darah, dan memberikan ketenangan.

Umumnya, e-Cycle mempunyai kesan di atas. Namun, perlu diketahui bahawa kesannya adalah berbeza untuk setiap individu.

# **AWAS**



Sila berhenti menggunakan fungsi e-Cycle segera jika berasa sebarang ketidakselesaan semasa penggunaan.

## 3. e-Hybrid (For DH-3ND1)

1. Apa itu e-Hybrid:

e-Hybrid bermaksud pancuran udara yang mengandungi air panas, yang memberikan kesan urutan fizikal.
2. Kesan dari e-Hybrid:

e-Hybrid adalah pancuran air panas yang mengandungi udara, memberikan getaran ultrasonik ke sel-sel dalam tubuh, meningkatkan aliran darah, dan melaraskan fungsi modulasi saraf autonomi.

  - Himpunan gelembung udara yang banyak memberikan rangsangan yang selesa untuk tubuh.
  - Ion negatif memberikan kesan menyegarkan.


Umumnya, e-Hybrid mempunyai kesan di atas. Namun, perlu diketahui bahawa kesannya adalah berbeza untuk setiap individu.

## 4. PANCURAN HUJAN


Sila ikut arahan yang diberikan dengan simbol  sebelum menggunakan DH-3NDP1 (dengan Pancuran Hujan)

## 5. MENGENALI BAHAGIAN-BAHAGIAN

### Set Pancuran Mandi:




### Pancuran Hujan:




## 6. PENGENALAN PANEL KAWALAN DAN PAPARAN LCD




















































Untuk DH-3ND1:



Untuk DH-3NDP1:



## 7. AKSESORI

Penerangan:	Barangan:	DH-3ND1, DH-3NDP1	 DH-3NDP1 dengan Pancuran Hujan
 Set Kepala Pancuran	 Kepala Pancuran (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Penyangkut Pancuran	 Hos Pancuran (1 set)  Pemegang Batang Gelongsor (2 set)  Penyangkut Kepala Pancuran (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Unit Badan Penapis	 Unit Badan Penapis (1 set)  Pelapik Getah (1 keping)  Lampiran Amaran Unit Badan Penapis (1 helai)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Batang Gelongsor	 Batang Gelongsor (1 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Pemasangan	 Palam Dinding (6 batang)  Pelapik Getah (2 keping)  Skru (6 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Pakej Bag C	 Pelapik Getah A (4 keping)  Skru (4 batang)  Palam Dinding (4 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Hos Pancuran A Pakej	 Hos Pancuran A (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Hos Pancuran B Pakej	 Hos Pancuran B (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Pendakap Atas	 Pendakap Atas (1 set)  Skru (1 batang)  Palam Dinding (1 batang)  Skru Kunci Allen (2 set)  Kunci Allen (1 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Pendakap Bawah	 Pendakap Bawah (1 batang)  Penutup Pendakap Bawah (1 keping)  Pelapik Getah B (1 keping)  Skru Kunci Allen (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
	 Kunci Allen (1 batang)  Skru (3 batang)  Palam Dinding (3 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Pancuran Hujan	 Kepala Pancuran Hujan (1 set)  Pelapik Getah C (1 keping)  Penutup C (1 keping)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Tombol Pengalih	 Tombol Pengalih (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Penyangkut Pancuran	 Penyangkut Pancuran (1 set)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Paip Pancuran Bawah	 Paip Pancuran Bawah (1 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
 Set Paip Pancuran Atas	 Paip Pancuran Atas (1 batang)	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>


# CARA-CARA MENGGUNAKAN PANCURAN MANDI ELEKTRIK

## 1. CARA-CARA MENGGUNAKANNYA

- Buka Injap air utama.
- Hidupkan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dan Suis ON/OFF DP (dwikutub).
- Tolak ke atas Tuas Set Semula ELB sekiranya ia berada pada kedudukan bawah.
- Laraskan Tombol Isipadu Air mengikut arah jam.
  - Putaran tombol mengikut arah jam akan meningkatkan pengaliran air dan seterusnya menurunkan suhu air.
  - Putaran tombol mengikut arah lawan jam akan mengurangkan pengaliran air dan seterusnya meningkatkan suhu air.




ELB: Keadaan ON



ELB: Keadaan OFF

- Air akan mengalir dari Kepala Pancuran dan untuk seketika terdapat pancuran 'Air Bubble'.
  - Pada masa yang sama, Paparan LCD akan menyala.
  - Paparan LCD akan mempamerkan Penunjuk Suhu, Jam, Penunjuk Kepala Pancuran, Penunjuk e-Cycle dan Penunjuk e-Hybrid (untuk DH-3ND1). (Apabila kuasa dihidupkan, suhu akan menunjukkan 38 °C).
  - Tekan Tuas On-Off semula untuk menghentikan pengaliran air.
  - Tuas ini mengawal kedua-dua bekalan air dan elektrik kepada set.

Paparan LCD & Panel Kawalan



Pastikan tekan bahagian tengah Tuas On-Off sahaja.



**Tekan Tuas On-Off sebelum dan selepas mandi.**  
 Tuas ini hendaklah ditekan sahaja. Jangan tarik Tuas On-Off. Jangan buka atau tutup Injap Air Utama untuk mengendalikan Unit Pancuran Mandi untuk mengelakkan sebarang kerosakan.

**Untuk DH-3NDP1 sahaja**  
**Untuk memastikan ketahanan Pam, Tuas On-Off mestilah ditekan setiap kali sebelum dan selepas mandi.**  
 Tuas ini hendaklah ditekan sahaja. Jangan tarik Tuas On-Off. Jangan buka atau tutup Injap Air Utama untuk mengendalikan Unit Pancuran Mandi untuk mengelakkan sebarang kerosakan.



- Penetapan suhu
  - Suhu pancuran boleh dikawal dengan menekan butang "-" atau butang "+".
  - Setiap tekanan pada butang akan mengurangkan atau meningkatkan suhu sebanyak 1 °C. Tekanan berterusan akan mengurangkan atau meningkatkan suhu pancuran secara berterusan.
  - Larasan suhu terendah adalah 32 °C.
  - Tekanan seterusnya akan mengakibatkan tahap kuasa akan terpapar 'PO' iaitu Mod 'Power OFF' (suhu pancuran akan sama dengan suhu air masuk).
  - Larasan suhu tertinggi adalah 48 °C.
  - Apabila paparan 'MAX' keluar pada tahap penunjuk kuasa dan suhu yang lebih tinggi diinginkan, kurangkan pengaliran air dengan memutarakan Tombol Isipadu Air mengikut arah lawan jam sehingga paparan 'MAX' padam.
  - Dalam keadaan penggunaan berterusan pada penetapan suhu tinggi, suhu akan meningkat dan mungkin menyebabkan alat kawalan berfungsi sementara dan mengakibatkan suhu air menurun.




- Aliran air akan berubah secara beransur-ansur dari Kepala Pancuran Hujan ke Kepala Pancuran apabila memutarakan Tombol Pengalih arah lawan jam.

Nota:

Isipadu air akan berkurang jika air mengalir serentak di Kepala Pancuran dan Kepala Pancuran Hujan.



- Ketika menggunakan Kepala Pancuran ini, pilih jenis pancuran yang dikehendaki dengan Butang Pemilih Pancuran. Tekan butang dengan sepenuhnya.



Nota:  
 Apabila menghentikan pengaliran air atau menukar pemilihan pancuran air dari Pancuran Luas ke Pancuran Tompok, beberapa titisan air akan terus keluar dari Kepala Pancuran dan Pancuran Hujan kurang dari 2 minit. Ini adalah biasa kerana masih terdapat air di dalam Kepala Pancuran dan Pancuran Hujan, ini bukan perkara luar biasa kepada Unit ini.




**Jangan sekat Kepala Pancuran dan Kepala Pancuran Hujan dengan tangan, tuala atau melenturkan Hos Pancuran. Kadar aliran air akan menurun dan suhu air akan menjadi sangat panas.**



9. Kepala Pancuran boleh diubah pada pelbagai kedudukan.

**Untuk DH-3ND1, DH-3NDP1**

- (a) Longgarkan Tombol Penyangkut Pancuran untuk melaraskan Penyangkut Pancuran ke atas atau ke bawah. Ketatkan semula Tombol Penyangkut Pancuran.
- (b) Longgarkan Tombol Penyangkut Pancuran dan Penyangkut Pancuran boleh diubah ke kiri atau ke kanan. Ketatkan semula Tombol Penyangkut Pancuran.
- (c) Sudut Kepala Pancuran boleh diubah dengan menggerakkan Kepala Pancuran ke atas atau ke bawah.




**Untuk DH-3NDP1 (dengan Pancuran Hujan) sahaja**

10. Kepala Pancuran boleh diubah pada pelbagai kedudukan.

- (a) Tekan dan tahan Butang Penyangkut Pancuran untuk menyesuaikan tinggi atau rendah dan kiri atau kanan. Lepaskan Butang Penyangkut Pancuran untuk menetapkan kedudukan.

11. Pancuran Hujan boleh dilaraskan ke pelbagai kedudukan:

- (a) Longgarkan Kunci Boleh Laras dan laraskan Paip Pancuran Atas tinggi atau bawah dan kiri atau kanan. Ketatkan Kunci Boleh Laras. Semasa menetapkan Paip Pancuran Atas pada ketinggian maksimum, turunkan paip sedikit jika terasa sentakan diikuti dengan mengetatkan Kunci Boleh Laras (ini untuk mengelakkan kebocoran akibat melebihi tetapan ketinggian maksimum).
- (b) Sudut Kepala Pancuran Hujan dapat disesuaikan dengan menggerakkan Kepala Pancuran Hujan ke atas atau ke bawah.




**Nota:**

Semasa mematikan Pancuran, sisa air dari Kepala Pancuran / Kepala Pancuran Hujan akan terus menitik sebelum berhenti sepenuhnya.

12. Penetapan e-Cycle

- (a) Hidupkan set terlebih dahulu (pancuran air panas telah mengalir keluar dari Kepala Pancuran) sebelum memulakan e-Cycle.
- (b) (1) Pertama, tekan Butang e-Cycle untuk memulakan fungsi e-Cycle.
- (2) Butang e-Cycle mempunyai beberapa pilihan yang boleh dipilih. Setiap pilihan akan dipamerkan pada bahagian e-Cycle di Paparan LCD diikuti dengan penunjuk "HOT" dan "COOL" yang bersilih ganti.
- (3) Keadaan kitaran yang berbeza-beza akan terhasil jika Butang e-Cycle ditekan berkali-kali.



- e-Cycle OFF
- Pancuran panas normal



- Kitaran normal untuk Pancuran e-Cycle.
- Penunjuk akan menunjuk sebagai "Normal"
- Pancuran HOT : 40 s
- Pancuran COOL: 30 s




- Kitaran pendek untuk Pancuran e-Cycle.
- Penunjuk akan menunjuk sebagai "Short".
- Pancuran HOT : 30 s
- Pancuran COOL: 20 s



- Kitaran panjang untuk Pancuran e-Cycle.
- Penunjuk akan menunjuk sebagai "Long".
- Pancuran HOT : 50 s
- Pancuran COOL: 40 s


Nota: Semasa Pancuran HOT dan COOL akan berkelip.  
Semasa Pancuran COOL dan COOL akan berkelip.

- (4) • Apabila e-Cycle beroperasi, kawasan tertera untuk jam di Paparan LCD akan bertukar kepada nombor kitaran untuk menunjukkan setiap kitaran penuh untuk pancuran panas dan sejuk dalam e-Cycle. Sebagai contoh, 1c => 1 kitaran pancuran panas dan sejuk.
- Semasa penggunaan e-Cycle, kiraan untuk kitaran akan berterusan walau semasa membuat penetapan semula untuk suhu pancuran panas dan sejuk.







(5) Jika anda ingin menukar suhu COOL:

- Tekan berterusan Butang Set untuk 3 saat.
- Terdapat 4 pilihan untuk suhu sejuk. Tekan Butang "-" dan "+" secara berturutan, pilihan suhu sejuk yang berbeza-beza akan diperolehi. Setiap pilihan akan ditunjuk pada Suhu Pilihan.



Nota: Apabila kuasa dihidupkan, suhu sejuk menjadi "PO" (sama seperti suhu air masuk).

- |                                                                                                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                   |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>(i) </p> <p>(iii) </p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Suhu sejuk pada keadaan tiada kuasa (sama seperti suhu air masuk)</li> <li>Suhu sejuk adalah lebih kurang 8 °C lebih rendah dari suhu pancuran panas.</li> </ul> | <p>(ii) </p> <p>(iv) </p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Suhu sejuk adalah lebih kurang 10 °C lebih rendah dari suhu pancuran panas.</li> <li>Suhu sejuk adalah lebih kurang 5 °C lebih rendah dari suhu pancuran panas.</li> </ul> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

c) Tekan semula Butang "Set" untuk menetapkan suhu sejuk yang baru.



Nota: Untuk DH-3ND1, e-Cycle dan e-Hybrid boleh beroperasi secara serentak.






- pabila Butang Set tidak ditekan semula selepas pengubahsuaian suhu sejuk dilakukan, suhu sejuk akan ditetapkan secara automatik dengan penambahan selama 1 minit.
- Jika suhu air masuk adalah lebih tinggi daripada suhu tetapan untuk suhu sejuk [E-], [E-] & [E-], suhu sejuk akan menyamai suhu air masuk.

13. Untuk DH-3ND1:


Tetapan e-Hybrid

(1) e-Hybrid akan mula beroperasi apabila Butang e-Hybrid ditekan.

(2) Apabila menekan Butang e-Hybrid secara berturutan, keadaan pancuran akan berbeza-beza (sila rujuk gambarajah di bawah).

- |                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>(i) </p> <p>Pancuran Normal (Jika penunjuk BUBBLE atau BEAT terpadam)</p> | <p>(iii) </p> <p>Pancuran BUBBLE dengan BEAT 1 (gelembung udara berkala)</p> | <p>(v) </p> <p>Pancuran BUBBLE dengan BEAT 3 (gelembung udara berkala)</p> |
| <p>(ii) </p> <p>Pancuran BUBBLE (gelembung udara berterusan)</p>             | <p>(iv) </p> <p>Pancuran BUBBLE dengan BEAT 2 (gelembung udara berkala)</p>  |                                                                                                                                                                 |

Nota: e-Cycle dan e-Hybrid beroperasi secara serentak.



14. Penetapan masa:

(1) Tekan Butang "Set"  
Jam pada Paparan LCD akan berkelipan.




(2) Tekan Butang "+" untuk ke hadapan.



(3) Tekan Butang "-" untuk ke belakang.



- (4) Setiap kali Butang "+" atau "-" ditekan akan menambah atau menolak 1 minit.  
 (5) Tekanan berterusan akan menambah atau menolak 10 minit.  
 (6) Tekan Butang "Set" untuk menetapkan masa yang baru. (Kelipan akan berhenti).



**Nota:**  
 Apabila Butang "Set" tidak di tekan selepas pelarasan masa dilakukan, jam akan terus beroperasi secara automatik 1 minit kemudian dengan masa yang baru dengan penambahan 1 minit.


## 2. CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN AIR

**(1) Cara melaraskan kadar pengaliran air maksima.**

- Step 1: Tekan Tuas On-Off dan pilih Pancuran Luas pada Kepala Pancuran dengan menggunakan Butang Pemilih Pancuran (rujuk Gambarajah 1)
- Step 2: Tutup Injap Air Utama.
- Step 3: Pusingkan Kepala Pancuran menghala ke atas pada paras pinggang.
- Untuk DH-3NDP1 (dengan Pancuran Hujan), pastikan air mengalir di Kepala Pancuran sahaja.
- Step 4: Laraskan Tombol Isipadu Air ke tahap pengaliran maksima (rujuk Gambarajah 2).
- Step 5: Buka Injap Air Utama sedikit demi sedikit dan laraskan ketinggian pancuran (H).  
 (Sekiranya ketinggian pancuran (H) tinggi, suhu air panas akan menurun akibat kadar pengaliran yang berlebihan).

**Nota:** 1. Beri perhatian pada suhu pancuran semasa merendahkan isipadu air. Suhu pancuran akan menjadi sangat panas jika kadar aliran air terlalu rendah.  
 Sekiranya kadar aliran air terlalu rendah, kemungkinan aliran air dari Kepala Pancuran Hujan tidak mencukupi. Sila hubungi wakil jualan yang sah untuk bantuan.

2. Tombol Isipadu Air berada pada tahap maksima ketika ini (rujuk Langkah 4). Sila laraskan kepada kadar aliran yang bersesuaian dengan memutarakan Tombol Isipadu Air arah lawan jam.



### 3. PENYENGGARAAN



## AMARAN



Pastikan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dimatikan sebelum penyelenggaraan untuk mengelakkan bahaya kejutan elektrik.


#### (1) Pembersihan Penutup Set.

Pastikan Pemutus Litar Elektrik dimatikan sebelum dibersihkan.

- 1) Bersihkan dengan kain yang dilembapkan.
- 2) Jangan guna benzena, pencair, pencuci, peluntur dan lain-lain.
- 3) Jangan sembur air pada Unit, atau meletak tuala basah di atasnya.
- 4) Pastikan guna kain yang sesuai untuk membersihkan permukaan Penutup Set bagi mengelakkan calar.

#### (2) Pembersihan Kepala Pancuran


Bersihkan Getah pada Kepala Pancuran dengan menggunakan berus yang lembut dari semasa ke semasa (Disyorkan seminggu sekali).



## AWAS




Sila pastikan Getah pada Kepala Pancuran tidak rosak semasa pembersihan. Ia boleh menjejaskan corak pancuran air.



#### (3) Pembersihan Kepala Pancuran Hujan untuk DH-3NDP1 (dengan Pancuran Hujan)


Bersihkan Getah Silikon pada Kepala Pancuran Hujan dengan menggunakan berus lembut dari semasa ke semasa (Disarankan seminggu sekali).



## AWAS



Sila pastikan Getah pada Kepala Pancuran Hujan tidak rosak semasa pembersihan. Ia boleh menjejaskan corak pancuran air.




#### (4) Pembersihan Unit Penapis (Unit Penapis dipasang pada Tombol Penapis)


Penapis Air di dalam Unit Penapis mestilah dicuci seminggu sekali. Unit Penapis mestilah dicuci sekiranya air panas tidak mengalir dengan sempurna.

##### Membuka, membersihkan dan memasang Unit Penapis

- ① Tutup Injap Air Utama.




- ③ Bersihkan Unit Penapis.



- ④ Masukkan Unit Penapis dan ketatkan (ikut arah jam).

- ⑤ Laraskan Tombol Isipadu Air kembali ke posisi asal dengan merujuk kepada Cara Menyelaraskan Kadar Aliran Air di muka surat 11.


- ② Laraskan Tombol Isipadu Air mengikut arah jam jika ia menghalang Tombol Penapis. Pusingkan Tombol Penapis ikut arah lawan jam dan keluarkannya.



## AWAS



Pastikan O Ring tidak tertanggal dan bersih daripada bendasing atau kotoran untuk mengelakkan kebocoran air.



## 4. PANDUAN KEROSAKAN

(1) Sila periksa perkara-perkara berikut sebelum membaiki.

Tanda-tanda	Perkara yang perlu diperiksa
Pancuran air tidak mengalir seperti biasa.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Periksa Unit Penapis. Bersihkan Penapis jika ianya tersumbat dengan kekotoran (rujuk Pembersihan Unit Penapis seperti di muka surat 12).</li> <li>2. Periksa Kepala Pancuran dan Kepala Pancuran Hujan. Bersihkan Kepala Pancuran jika ada kekotoran (rujuk Pembersihan Kepala Pancuran di muka surat 12).</li> <li>3. Jika produk ini tidak terpadam, sila matikan dan hidupkan semula dengan menekan Tuas On-Off untuk mengaktifkan semula pam air (untuk DH-3NDP1 sahaja)</li> </ol>
Tiada air panas mengalir keluar dari saluran keluar (tiada aliran elektrik ke Unit)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pastikan Tuas On-Off ditekan dan berada pada keadaan "On".</li> <li>2. Pastikan Tuas Set Semula ELB tidak menggelongsor ke bawah. Tolak Tuas Set Semula ELB ke atas untuk ke keadaan asal (lihat CARA-CARA MENGUJI di muka surat 19).</li> <li>3. Pastikan Suis ON/OFF DP (dwikutub) dihidupkan.</li> <li>4. Pastikan Pemutus Litar Elektrik (MCB) dihidupkan.</li> </ol>
Tiada air mengalir keluar dari Kepala Pancuran.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Periksa Injap Air Utama, buka Injap Air Utama sekiranya tertutup (rujuk CARA-CARA MENGGUNAKANNYA di muka surat 8).</li> <li>2. Periksa Panel LCD. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Periksa Tuas On-Off. Sekiranya Panel LCD masih padam, jangan gunakan Unit dan sila hubungi wakil penjual anda dengan segera.</li> </ul> </li> </ol>
Air tidak cukup panas.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laraskan suhu pancuran (rujuk Penetapan suhu di muka surat 8)</li> <li>2. Sila rujuk CARA MENYELARASKAN KADAR ALIRAN AIR di muka surat 11.</li> </ol>


(2) Jika anda mendapati keadaan seperti berikut semasa menggunakan peralatan ini, jangan gunakan Unit dan sila hubungi wakil penjual anda yang sah dengan segera.

- 1) Kebocoran air
- 2) Tiada Pengaliran air.
- 3) Suhu air tidak dapat dikawal.
- 4) Tiada paparan pada LCD.

(3) Kemahiran tertentu diperlukan untuk memperbaiki peralatan ini. Oleh itu jangan sekali-kali cuba membaikinya sendiri.

(4) Sekiranya Unit mengalami masalah, terdapat paparan E1, E2 atau E3 berkelip pada bahagian Paparan Penunjuk Suhu yang menandakan terdapatnya masalah pada paparan.

Jangan gunakan Unit dan sila hubungi wakil penjual anda yang sah dengan segera.



## 5. SPESIFIKASI

Model	DH-3ND1	DH-3NDP1
Voltan	240 V a.c. 50 Hz	
Penggunaan Kuasa	3600 W	
Kawalan Suhu Elektronik	Suhu Air Semasa PO (OFF), 32 °C - 48 °C	
Tekanan Air Minima	9.8 kPa / 0.1 kgf/cm <sup>2</sup> / 1.42 psi	4.9 kPa / 0.05 kgf/cm <sup>2</sup> / 0.71 psi
Tekanan Air Maksima	380 kPa / 3.87 kgf/cm <sup>2</sup> / 55 psi	
Ukuran	380(H) mm x 200(W) mm x 89(D) mm	
Berat	2.2 kg	3.0 kg
Sistem Keluaran	Sistem Punca Tunggal (Keluaran Terbuka)	

## CARA MEMASANG PANCURAN MANDI ELEKTRIK


# ⚠️ AMARAN

- Saiz Kabel Fleksibel dan pendawaian elektrik mestilah dipasang dengan sempurna untuk mencegah bahaya beresap dan kebakaran.
- Semasa proses pemasangan, pastikan sumber elektrik dan air telah ditutup.
- Pancuran mandi ini hendaklah disambung secara kekal ke bekalan elektrik menerusi Suis ON/OFF DP (dwikutub) yang mempunyai pemisahan sesentuh sekurang-kurangnya 3 mm pada semua kutub yang digabungkan dalam pendawaian tetap. Suis ini hendaklah dipasang dengan jelas tetapi jauh dari jangkauan pengguna.

### ⚡ Unit ini perlu dibumikan.

Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik.

- Jangan memasang Unit Badan Penapis pada saluran keluar kerana air pada saluran masuk tidak dapat ditapis dan mengakibatkan bendasing untuk masuk ke dalam unit.
- Jangan memasang, menanggalkan, atau memasang semula unit dengan sendiri. Pemasangan yang tidak betul akan mengakibatkan kebocoran air, kejutan elektrik, atau kebakaran. Pemasangan dan pendawaian haruslah dilakukan oleh pekerja yang mahir.
- Perkongsian paip untuk air masuk dan keluar adalah dilarang. Tekanan air akan berkurang sekiranya terdapat air keluar pada saluran yang lain. Suhu air pancuran akan menjadi sangat panas.



# ⚠️ AWAS

- Kabel fleksibel harus dimasukkan ke unit melalui bahagian yang sedia ada sahaja (jangan membuat lubang tambahan).


## 1. SEBELUM PEMASANGAN DIBUAT

### (1) Pastikan tekanan air.

Tekanan air minima	9.8 kPa / 0.1 kgf/cm <sup>2</sup> / 1.42 psi (DH-3ND1)
Tekanan air minima	4.9 kPa / 0.05 kgf/cm <sup>2</sup> / 0.71 psi (DH-3NDP1)
Tekanan air maksima	380 kPa / 3.87 kgf/cm <sup>2</sup> / 55 psi

- Cara mengukur tekanan air seperti dalam gambarajah.

Air hendaklah mengalir keluar dari Hos setinggi 2.0 m dari Injap Air Utama.



**Nota:** Apabila mengeluarkan unit dari bungkusan, kemungkinan ada kehadiran sedikit air di dalamnya. Ini adalah biasa kerana unit-unit diuji semasa proses pembuatan.


## 2. CARA MEMASANG

# ⚠️ AMARAN

- Semasa proses pemasangan, pastikan sumber elektrik dan air telah ditutup.


### 1. Di mana unit ini perlu dipasang.

- Pastikan unit ini dipasangkan pada dinding seperti dalam Gambarajah 1 (keadaan menegak sahaja).
- Jangan memasang unit jauh dari permukaan dinding seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 2.
- Unit hendaklah dipasang pada ketinggian 1.5 m ~ 1.7 m dari atas lantai.




Untuk DH-3NDP1

Untuk DH-3ND1




Gambarajah 1



Gambarajah 2


### 2. Menanggalkan Penutup Set.

- 1 Tanggalkan skru dari bahagian bawah unit.
- 2 Tanggalkan Penutup Unit dari bahagian bawah dahulu diikuti dengan bahagian atas.




### 3. Cara memasang Pancuran Mandi Elektrik.

- ① Unit hendaklah berjarak sekurang-kurangnya 250 mm di sebelah kiri dan kanan dinding.
- ② Gerudi 4 lubang pada dinding (merujuk Rajah 1).
- ③ Masukkan Palam Dinding ke dalam lubang.




Rajah 1




- ④ Kabel Fleksibel hendaklah dimasukkan ke dalam Unit menerusi Bahagian 1 atau 2 seperti gambarajah di bawah untuk proses pendawaian elektrik dilakukan.

Bahagian 1:



Lubang masuk Kabel Fleksibel

Bahagian 2:




**AWAS**




Kabel fleksibel harus dimasukkan ke Unit melalui bahagian yang sedia ada sahaja (jangan membuat lubang tambahan).

- ⑤ • Unit hendaklah dipasang ke dinding dengan 4 skru.
- Masukkan Skru ke kedua-dua Palam Dinding melalui lubang skru pada bahagian atas Penutup Belakang Unit.
- Selepas mengetatkan kedua-dua Skru pada bahagian atas, ketatkan Skru yang selebihnya pada bahagian bawah Penutup Belakang Unit.



- ⑥ Periksa sama ada Unit diikat dengan ketat dengan menggerakkan Unit ke kiri dan kanan.

Nota: Penutup Belakang Unit mesti diketatkan dengan 4 Skru.



### 4. Pendawaian elektrik

**AMARAN**




Saiz Kabel Fleksibel dan pendawaian elektrik mestilah dipasang dengan sempurna untuk mencegah bahaya berasap dan kebakaran.

**AMARAN**




Pancuran mandi ini hendaklah disambung secara kekal ke bekalan elektrik menerusi Suis ON/OFF DP (dwikutub) yang mempunyai pemisahan sesentuh sekurang-kurangnya 3 mm pada semua kutub yang digabungkan dalam pendawaian tetap. Suis ini hendaklah dipasangkan dengan jelas tetapi jauh dari jangkauan pengguna.


- ① Pendawaian Kabel Fleksibel disambungkan ke ELB di dalam Unit: 2.5 mm<sup>2</sup>, Kabel Fleksibel 3 teras.




- ② Buka Pemegang Kabel dan pasang Kabel Fleksibel. Buangkan Penyalut Wayar di bahagian hujungnya. Ketatkan wayar hidup (L) dan wayar neutral (N) pada ELB (L, N) dan wayar bumi pada Pasak Bumi dengan menggunakan daya kilas 1 N.m (10 kgf.cm). Pasang semula Pemegang Kabel untuk memegang Kabel Fleksibel.



DH-3ND1:




DH-3NDP1:



- ③ Sambungkan wayar pada kekutuban yang betul (L,N).


- Sambungan wayar pada arah kekutuban yang salah (L,N) akan menyebabkan litar konduksi kutub tidak berfungsi seperti biasa dan boleh menyebabkan kebocoran elektrik, kebakaran dan sebagainya.
- Periksa arah kekutuban (L,N) terlebih dahulu sebelum pendawaian berpandukan alat uji julat voltan atau meter voltan dengan menyambungkan satu terminal meter ke bumi, dan satu terminal lagi disentuhkan ke salah satu terminal bekalan kuasa.
- Apabila jarum meter banyak terpesong, arah kekutuban terminal bekalan kuasa adalah 'L'.



④ Rod Bumi


 <h1 style="margin: 0;">AMARAN</h1>	 <h2 style="margin: 0;">Unit ini mesti dibumikan.</h2> <p style="font-size: small;">Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik.</p>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

- Unit ini hendaklah dibumikan.
- Cara memasang Rod Bumi. Pilih permukaan bumi yang sesuai untuk menanam Rod Bumi (DQ-6H) Rod Bumi hendaklah ditanam sekurang-kurangnya 70 cm ke dalam permukaan tanah.
- Pastikan rintangan tanah kurang daripada 100 Ω. Jika rintangan tanah tidak kurang daripada 100 Ω, tanam Rod itu lebih dalam atau gunakan 2 atau 3 Rod.



5. Cara-cara pemasangan paip

 <h1 style="margin: 0;">AMARAN</h1>
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------


 **Perkongsian paip untuk paip masuk dan keluar dilarang.**  
Tekanan air akan berkurang sekiranya terdapat air keluar pada saluran yang lain. Air akan menjadi sangat panas.

 <h1 style="margin: 0;">AWAS</h1>
--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

 **Elakkan menggunakan air yang kotor kerana ia boleh menjejaskan prestasi pemanas dan lain-lain komponen.**

**NOTA:** Pastikan tiada kebocoran air pada sambungan paip.


**NOTA:** Apabila gam digunakan untuk sambungan paip luar, mestilah tunggu gam kering sebelum ujian dengan air diteruskan.




